

Buang sampah kecil merata-rata

17 kena perintah khidmat masyarakat di Melaka

Norafiqah Jamal

AYER KEROH - Sebanyak 589 Notis Pemberitahuan Kesalahan (NPK) dikeluarkan terhadap individu yang didapati membuang sampah kecil merata-rata sekitar di negeri ini sejak operasi penguatkuasaan dipergiat bermula Januari sehingga 15 Mei lalu.

Exco Kanan Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana negeri Datuk Rais Yasin berkata, daripada jumlah tersebut sebanyak 39 kes sedang dalam proses mahkamah dan 17 telah dijatuhkan hukuman menjalani Perintah Khidmat Masyarakat (PKM).

Ujar beliau, majoriti kesalahan itu adalah membabitkan pembuangan puntung rokok.

"Kita harap kesedaran orang ramai terhadap kesalahan membuang sampah kecil merata-rata ini diberi penekanan.

"Buat perokok pula, saya nasihatkan untuk tahu tempat atau lokasi yang dibenarkan untuk menghisap rokok seterusnya membuang puntung dalam tong sampah, jangan

“Buat perokok pula, saya nasihatkan untuk tahu tempat atau lokasi yang dibenarkan untuk menghisap rokok seterusnya membuang puntung dalam tong sampah, jangan buang merata-rata jika tidak mahu didenda.”

gan buang merata-rata jika tidak mahu didenda," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyempurnakan Program Anda Kitar Kami Bayar (AKKB) Sempena Ulang Tahun Ke-23 Bandaraya Melaka Bersejarah di Dataran Bandaraya Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB), di sini, 16 Mei lalu.

Hadir sama, Setiausaha MBMB Muhammad Firdaus Shariff; Pengarah Pengarah Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) Melaka Nor Zaki Md Nor serta kenamaan lain.



RAIS dan kenamaan menunjukkan poster amaran larangan membuang sampah kecil di tempat awam dan jalan awam. Foto MBMB

Mengulas lanjut, Rais menegaskan tindakan penguatkuasaan akan terus dilaksanakan bagi memastikan tahap kebersihan di negeri ini sentiasa di tahap terbaik, selari dengan misi menjadikan Me-

laka sebagai lokasi pelancongan yang selesa.

"Saya harap isu kebersihan ini dapat dijaga bersama-sama apabila semua pihak dapat memainkan peranan masing-masing.

"Kita tidak mahu rakyat mahu pun pelancong yang datang ke Melaka dikenakan tindakan undang-undang akibat kesalahan kebersihan yang sebenarnya boleh dielakkan," katanya.